

Pengunjung kelab malam diberkas terlibat dadah

14 Januari 2018

Pengunjung kelab malam diberkas terlibat dadah

CHERAS - Seramai 51 pengunjung sebuah pusat hiburan diberkas dalam satu serbuan di Tower 1, Menara PGRM di sini semalam kerana disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Serbuan pada pukul 1.35 pagi dan berakhir 9 pagi itu dilakukan oleh sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Cheras.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Abdul Ghani Mohamad Ji berkata, mereka yang ditahan terdiri daripada 31 lelaki dan empat wanita tempatan serta 16 wanita warga Vietnam.

"Seramai 81 pengunjung termasuk 26 wanita warga Vietnam diperiksa dan kita menahan 51 daripadanya selepas

dipercayai terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

"Kita turut merampas tiga paket serbuk ekstasi seberat 44.55 gram (g), tiga paket plastik lutsinar disyaki ketamin masing-masing seberat 0.64g, 0.70g dan 0.26g serta sebotol cecair disyaki syabu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Abdul Ghani berkata, siasatan awal mendapati, pengunjung yang ditahan dipercayai memperoleh bekalan daripada pelanggan yang datang berhibur selain memperolehnya daripada pusat hiburan itu.

Jelasnya, kesemua tangkapan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 39A(2), Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.